

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Setiap tahun media massa melaporkan pelbagai kes disiplin di sekolah termasuklah kes buli atau kecelaruan tingkah laku. Kejadian buli yang semakin membarah ini memberikan kesan kesihatan fizikal dan psikologi terhadap mereka yang dibuli malah dalam sesetengah kes turut melibatkan kematian.

Senario kes buli di sekolah jelas menunjukkan bahawa tingkah laku buli dan gengsterisme berupa perlakuan ganas dan agresif. Perlakuan ini melibatkan aspek psikologi, fizikal dan lisan yang dilakukan secara individu atau berkumpulan terhadap pihak atau individu yang lemah.

Buli dipercayai mempunyai perkaitan dengan gabungan faktor persekitaran sosial seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang. Selain itu, buli juga didorong oleh aspek psikologi yang berkaitan dengan gangguan mental, iaitu ingin mencari keseronokan dan mencapai kepuasan dengan membuli orang lain. Faktor lain yang turut mendorong perlakuan buli ialah pengaruh media massa yang sering memaparkan aksi ganas.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Menangani Kes Buli di Sekolah' oleh Samat Buang, Pusat Media dan Perhubungan Awam, USM

Bahan 2**Punca Kes Buli**

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *semakin membarah*. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan punca-punca yang menyebabkan gejala buli berlaku. [3 markah]

(iii) Kes buli semakin menjadi-jadi di peringkat sekolah sehingga mendatangkan kebimbangan pelbagai pihak.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani kes buli? **(KBAT)** [3 markah]

(iv) Anda merupakan murid yang baru mendaftar di sekolah berasrama. Anda sering dibuli oleh murid senior ketika anda berada di asrama.

Apakah tindakan yang patut anda lakukan untuk mengelakkan anda terus menjadi mangsa buli? **(KBAT)** [4 markah]

7 Baca bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

NEK SINAH : Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugas di universiti ...

AIMAN : Kak Dapnia tak balik, *mummy* pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.

NEK SINAH : Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.

AIMAN : Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara' dalam **Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul**, Kementerian Pendidikan Malaysia

Harga diri
Milik remaja
Harga diri yang suci
Patut diutuhkan
Agar tiada pedar jiwa.

Wahai remaja,
Penuhi masamu dengan ilmu
Jauhi daripada cinta murah
Elakkan silap memilih rakan.

Dunia remaja hanya sekali
Tersilap langkah,
Gelap masa depanmu.

1) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *pedar jiwa*.

[2 markah]

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor yang menyebabkan remaja zaman ini sering terlibat dalam masalah keruntuhan akhlak.

[3 markah]

Trend dan statistik jenayah melibatkan kanak-kanak dan remaja agak membimbangkan. Menurut mantan Ketua Polis Johor, antara kesalahan jenayah yang tertinggi membabitkan murid ialah kes curi, mencederakan orang, pecah rumah dan samun.

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa untuk mengatasi isu yang serius ini? 

[4 markah]

Baru-baru ini, anda ternampak rakan sekelas anda yang sedang melepak bersama-sama remaja lelaki yang lain.

Sebagai rakan sekelas yang prihatin, apakah tindakan sewajarnya yang perlu anda ambil? 

[4 markah]